



COVID-19 mungkin jejas jangka hayat penduduk

MALAYSIA mungkin mengalami penurunan jangka hayat jika kematian akibat COVID-19 meningkat.

Pengarah Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Ir Dr Siti Anom Ahmad, berkata meskipun jangkaan hayat bayi yang lahir 2019 dan 2021 menunjukkan peningkatan, iaitu 74.5 kepada 74.9 tahun (2020) dan terbaharu 2021 hingga usia 75.6 tahun, ia tidak mustahil berubah menjadi singkat susulan keadaan ketika pandemik COVID-19 ini.

Katanya, mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, bayi lelaki yang lahir pada 2021 mempunyai hayat hingga 73.2 tahun, manakala bayi perempuan mampu hidup hingga 78.3 tahun.

"Trend ini menunjukkan peningkatan yang konsisten jangkaan hayat perempuan lebih lama daripada lelaki sejak Jadual Hayat Ringkas dikeluarkan.

"Meskipun jangkaan hayat meningkat dari 2019 hingga 2021, tetapi tahun lalu, iaitu ketika COVID-19 masih lagi baharu dan ia tidak memberikan kesan kepada jangkaan hayat penduduk negara ini.

"Bagaimanapun, jika keadaan semakin semakin teruk dan kadar kematian meningkat, tidak mustahil ia akan mempengaruhi jangka hayat penduduk Malaysia," katanya.

Penurunan disebabkan pandemik

Beliau berkata, Malaysia boleh mengalami kesan yang sama seperti di Amerika Syarikat (AS) yang dilaporkan mencatatkan penurunan jangka hayat satu tahun, jika jumlah kematian disebabkan COVID-19 meningkat.

"Ini kerana jangka hayat akan semakin panjang apabila ramai orang meninggal dunia pada usia tua," katanya.

Ia berikutan jangkaan hayat rakyat AS mengalami penurunan setahun, iaitu penurunan terbesar pernah dicatatkan sejak Perang Dunia II, menurut data dikeluarkan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) negara itu.

Menurut laporan Anadolu Agency yang memetik CDC, jangka hayat rata-rata orang AS, pada 2020 turun satu setengah tahun, dan penurunan itu lebih buruk lagi bagi orang kulit hitam Amerika dan Hispanik, iaitu kira-kira tiga tahun.

CDC dalam satu laporannya menyatakan, penurunan itu dipercayai disebabkan oleh pandemik COVID-19, yang mana 74 peratus penurunan jangka hayat itu dicatatkan akibat jangkitan penyakit itu.

Orang kulit putih AS, kini mempunyai jangka hayat 77 tahun, tujuh bulan manakala purata jangka hayat orang kulit hitam adalah pada 71 tahun, 10 bulan.

"Jangka hayat penduduk negara ini mungkin menjadi lebih pendek jika ramai golongan muda meninggal dunia.

Penuaan penduduk lebih pesat

Pakar Kesihatan Awam dan Kesihatan Keluarga (Geriatric) UPM, Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat, berkata penurunan sedemikian sudah dijangka berikutan banyak negara, termasuk Malaysia mengalami kesan teruk akibat pandemik global itu.

"Namun, Malaysia masih lagi melalui proses penuaan dan belum mencapai tahap negara tua yang dijangka dicapai pada 2035 berbanding negara maju.

"Pandemik COVID-19 yang menyebabkan kadar kematian tinggi dalam kalangan warga emas akan menyebabkan penurunan jangka hayat, seterusnya membuatkan lebih masa diperlukan untuk Malaysia mencapai status negara tua, yang secara tidak langsung memberikan negara lebih masa untuk bersedia menghadapi implikasi penuaan penduduk," katanya.

Ketika ini, jangka hayat wanita adalah lebih panjang berbanding lelaki, di samping data menunjukkan lebih ramai warga emas lelaki meninggal dunia akibat COVID-19.

"Ini akan menunjukkan penurunan lebih signifikan pada jangka hayat lelaki di Malaysia.

"Malaysia adalah negara membangun dan seperti negara Asia lain, kita mengalami penuaan penduduk lebih pesat, yang tidak setara dengan tahap persediaan kita untuk menampung keperluan warga emas dari segi perkhidmatan penjagaan dan sebagainya," katanya.

<https://www.msn.com/en-my/news/berita/covid-19-mungkin-jejas-jangka-hayat-penduduk/ar-AAMUrwB>